

PEMANDANGAN dari udara menunjukkan kesan kemusnahan akibat kejadian kepala air di Kampung Iboi, Baling semalam. – SHAHIR NORDIN



Penduduk mukim Kupang makin ketakutan selepas kejadian kepala air berulang

'Sampai bila kami perlu bertahan'

BALING - Nyawa kira-kira 1,000 penduduk yang mendiami perkampungan di sepanjang Sungai Kupang dalam mukim Kupang di sini, kini diibaratkan seperti telur dihujung tanduk susulan satu lagi kejadian kepala air yang berpunca dari Gunung Inas lewat petang kelmarin.


Kejadian kira-kira pukul 4 petang itu menyebabkan penduduk sekitar diselubungi ketakutan, sekali gus mengingatkan mereka kepada tragedi dahsyat yang berlaku pada 4 Julai lalu.

Dalam kejadian awal bulan ini, lima buah kampung yang terletak berhampiran Gunung Inas termasuk Kampung Iboi terjejas teruk sehingga meragut tiga nyawa.

Penduduk Kampung Padang Empang, Amat Hasan, 68, berkata, kejadian petang kelmarin sangat mengejutkan dan menyebabkan rumahnya dimasuki air sehingga paras betis.

"Penduduk sudah ketakutan ketika melihat arus deras yang turun dari kawasan Gunung Inas. Air sungai bergulung-gulung sambil menghempas jambatan.

"Lebih menakutkan apabila tebing sungai berhampiran jambatan sementara itu runtuh. Nasib baik tiada batang pokok yang hanyut. Jika tidak, jambatan ini akan runtuh," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Terbuka



CHE LIAH RAMLI membersihkan rumahnya yang dipenuhi lumpur akibat kejadian banjir dan kepala air di Kampung Iboi, Baling semalam.

Kampung Padang Empang di sini semalam.

Seramai 58 individu daripada 19 keluarga antaranya di kawasan Lata Celak, Kampung Iboi, Kampung Padang Empang dan Kampung Bendang Bechah ditempatkan di PPS tersebut.

Menurut Amat, dia dan isteri, Zaharah Ismail, 62, sememangnya bimbang mengenai kejadian kepala air di kawasan berkenaan ekoran keadaan sungai yang cetek akibat mendapan pasir.

"Apa yang kami bimbangkan sudah berlaku semalam (kelmarin) dan nasib baik ia tidak seteruk kejadian kepala air tempoh hari selain tiada batang pokok yang hanyut.

"Sampai bila kami harus melau-




KERATAN Kosmo! 6 Julai 2022.

lui situasi yang menakutkan ini. Kami rayu pihak berkaitan untuk melakukan sesuatu," jelasnya.

Jelas Amat, dia masih trauma dengan kejadian kepala air sebelum ini yang memaksa mereka memanjat bumbung rumah untuk menyelamatkan diri.

"Kami hampir mati, malah isteri saya nyaris lemas apabila terjatuh dari bumbung ke dalam rumah yang dipenuhi air sedalam kira-kira 1.8 meter," ceritanya.



SITI MARIAM ABDUL ISA menemani suaminya yang lumpuh di PPS Dewan Terbuka Kampung Padang Empang, Baling semalam.

Seorang lagi penduduk, Mohamad Dahari Abd. Lateef, 64, berkata, perasan takut sentiasa bermain di fikiran mereka terutama jika berlaku hujan lebat yang menyebabkan air sungai menjadi deras.

"Kami juga tidak senang duduk jika melihat kawasan hulu iaitu di sekitar Gunung Inas dalam keadaan gelap.

"Bila nampak keadaan arus deras sungai dan hujan lebat berpanjangan, kami akan segera memindahkan barang ke tempat lebih tinggi dan pergi ke rumah saudara atau ke PPS seperti diarahkan pihak berkuasa," katanya.

Katanya, dia juga hampir maut dalam kejadian kepala air sebelum ini apabila terpaksa berpaut

pada pokok pinang dari pukul 6 petang sehingga 8 malam.

"Walaupun bukan mudah memanjat dan berpaut pada pokok pinang yang licin, saya mampu bertahan kerana terlalu takut dan mahu selamat. Saya guna kain pelikat untuk ikat pada batang pokok bagi mengelakkan saya terlepas pautan," jelasnya.

Ujarnya, semua penduduk terjejas terpaksa menanggung kerugian ribuan ringgit, malah ramai yang belum membaiki kereta yang rosak kerana kos mahal dan ketiadaan wang.

"Saya berharap pihak kerajaan dapat melakukan sesuatu dengan segera kerana ia melibatkan isu keselamatan penduduk di sini," katanya.